

Khamis – 13 Februari 2020

Halaman : 07

# Ulang-alik 340km setiap hari

Oleh Ekhwan Haque  
Fazlul Haque  
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**S**eawal jam 4 pagi ketika insan lain lena diulit mimpi, wanita ini meredah perjalanan dari Kota Bharu, Kelantan menuju Sekolah Kebangsaan (SK) Rancangan Penempatan Semula (RPS) Banun di Gerik, Perak.

Hamidah Mohammad, 39, sanggup meredah perjalanan sejauh 340 kilometer (km) sehari sejak lapan tahun lalu untuk tinggal bersama ibu tersayang selain muhi mendidik anak bangsa khususnya masyarakat Orang Asli agar menjadi insan berguna satu hari nanti.

*Guru redah perjalanan jauh demi bersama ibu, anak murid Orang Asli*



HAMIDAH (kanan) bersama murid SK Rancangan Penempatan Semula (RPS) Banun, Gerik, Perak.

Menceritakan rutin hariannya, guru berasal dari Pengkalan Chepa itu berka-

ta, dia memulakan perjalanan ke sekolahnya yang mengambil masa lebih tiga jam

perjalanan dengan jarak 170 km sehala.

Katanya, walaupun sedar

jarak sekolah dan rumahnya jauh namun Hamidah sanggup mengenepikan kepenatan itu kerana mahu menetap bersama ibunya, Hasnah Ahmad, 70, yang sering sakit.

"Ketika memulakan profesion perguruan, saya mengajar di SK Pantai Besar, Batu Kurau, Perak sebelum membuat keputusan berpindah ke sekolah yang berhampiran dengan rumah.

"Namun ketika permohonan dibuat, hanya SK RPS Banun yang mempunyai penempatan kosong.

"Walaupun jauh dari rumah, tetapi saya bersetuju kerana mahu menetap bersama ibu yang sering sakit.

"Itu lebih memudahkan saya memantau kesihatan-

nya tanpa perlu bimbang jika berjauhan memandangkan saya belum berumah tangga," katanya yang mengajar subjek bahasa Melayu.

Menurutnya, nyaris terbiasa dan pernah mengalami kemalangan kerana kepenatan serta tidur singkat tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan tanggungjawab yang digalas sejak 11 tahun lalu.

Katanya, sepanjang perjalanan pergi dan pulang, dia akan singgah sekurang-kurangnya di tiga lokasi untuk berehat seketika serta solat kerana bimbang meneruskan pemanduan dalam kelelahan yang boleh menyebabkan kemalangan seperti yang berlaku beberapa tahun lalu.